

Pengetahuan pedagogi kandungan dalam pendidikan guru

Abstrak

Kejayaan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dipengaruhi oleh pendidikan dan latihan yang dialami guru. Jesteru itu, perlu terdapat perbezaan antara guru terlatih dan tidak terlatih. Peranan guru terlatih haruslah jauh daripada setakat berkebolehan menyampaikan maklumat daripada buku kepada pelajar. Dalam latihan perguruan, pelbagai pengetahuan dan kemahiran perlu di kuasai guru pelatih supaya kualiti profession perguruan terjamin. Walaupun pengetahuan kandungan bagi sesuatu bidang penting, penguasaan guru setakat jenis pengetahuan ini tidak melayakkannya menjadi guru yang berkesan. Hampir tiada kajian dapat membuktikan hubungan yang signifikan antara pengetahuan kandungan guru dan pencapaian muridnya. Lantaran itu, pada 1986, Shulman telah memperkenalkan Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) sebagai pengetahuan yang kompleks merangkumi pengetahuan kandungan, kepercayaan dan kemahiran pedagogi iaitu pendekatan menyampaikan pengetahuan kandungan dengan berkesan (Shulman,1987). Pengetahuan ini lebih mendalam berbanding pengetahuan pedagogi yang memberi tumpuan kepada pembelajaran dan pengajaran secara umum. PPK telah digunakan untuk menilai atau menentukan pengetahuan asas guru yang membezakan guru daripada seorang pakar bidang pengetahuan yang tidak mengajar, contohnya membezakan ahli matematik dan guru matematik. Menurut Shulman, seorang guru mempunyai kebolehan untuk mengubah pengetahuan kandungan yang dimilikinya kepada suatu bentuk yang lebih sesuai untuk pengajaran serta sesuai dengan latar belakang dan kebolehan pelajarannya. Ini menunjukkan bahawa PPK bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi sahaja tetapi juga bergantung kepada pengetahuan guru berkenaan latar belakang pelajarannya. Dalam ertikata lain, dua elemen penting dalam PPK ialah pengetahuan tentang cara bagaimana isi pelajaran boleh disampaikan kepada pelajar dengan berkesan dan memahami masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar khususnya dalam isi pelajaran tersebut. Grossman (1990), telah menambah dua komponen lagi yang tidak disebutkan oleh Shulman. iaitu: Pengetahuan dan kepercayaan tentang tujuan pengajaran sesuatu topik dan pengetahuan tentang kurikulum dan bahan pengajaran. Seterusnya Magnusson (1998) telah mengembangkan model Grossman dengan menyenaraikan lima komponen PPK. Model Magnusson menunjukkan PPK harus juga merangkumi pengetahuan mengenai kaedah penilaian. Dari masa ke masa kajian

telah dijalankan untuk meneliti tahap penguasaan PPK di kalangan guru pelatih. Beberapa kajian menjurus melihat penguasaan PPK terhadap konsepsi dan miskonsepsi pelajar mengenai sesuatu topik. Penguasaan ini dianggap penting memandangkan pengaruh kefahaman guru mengenai konsepsi dan miskonsepsi terhadap kualiti pengajarannya. Klein & Tirosh (1997) membandingkan 67 orang guru pelatih dan 46 guru dalam perkhidmatan terhadap penguasaan PPK berkaitan pendaraban dan pembahagian nombor nisbah. Kajian berkenaan menunjukkan kebanyakan individu daripada kedua-dua kumpulan gagal mengutarakan punca kesilapan pelajar, malah mereka tidak memperoleh konsepsi yang padu mengenai pendaraban dan pembahagian nombor nisbah yang merupakan topik di peringkat sekolah rendah.